

# MTUC tidak patut piket – MEF

**KUALA LUMPUR** 28 Jun – Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) tidak seharusnya mengadakan piket dan mogok kerana ini akan menjelaskan pelaburan dan imej negara.

Pengarah Eksekutif Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan berpendapat, MTUC sebaliknya harus memberikan cadangan untuk meningkatkan produktiviti majikan bukan mengadakan piket ataupun mogok.

Menurutnya, beliau tidak bersetuju cadangan MTUC supaya pemberian gaji dalam sektor awam dan swasta diseragamkan.

Menurutnya lagi, setiap tiga tahun gaji kakitangan swasta akan diselaraskan berbanding kakitangan awam yang terpaksa menunggu selama 15 tahun baru diselaraskan oleh kerajaan.

"Perkara ini pihak MTUC tidak seharusnya mempertikaikan kakitangan awam kerana setiap tiga tahun kakitangan swasta akan

diselaraskan gaji berbanding kakitangan awam yang terpaksa menunggu selama 15 tahun.

"Sepatutnya pihak MTUC berbincang dengan badan yang bertanggungjawab supaya ia dapat diselesaikan dengan baik.

"Ini adalah satu perkara yang tidak wajar dan mungkin tindakan boleh diambil kepada mereka yang mengadakan piket atau mogok," katanya ketika dihubungi disini hari ini.

Jelasnya, jika pelabur asing datang ke Malaysia untuk melabur dan terlihat atau terbaca di akhbar tentang perkara ini, mungkin ia menjadi satu masalah untuk mereka melabur dan ia akan merugikan ekonomi negara.

Jelasnya lagi, MEF hanya boleh memberi nasihat dan ia bergantung kepada pihak majikan masing-masing.

"Jika bisnes mereka teruk, macam mana nak naikkan gaji kakitangan mereka dan ini

perlu dikaji sebelum membuat sesuatu tindakan," ujarnya.

Baru-baru ini, pihak MTUC telah mengadakan piket secara aman di lebih 13 lokasi berlainan bagi menuntut kerajaan menimbaangkan gaji minimum RM900 dan Elaun Sara Hidup (COLA) RM300 untuk pekerja sektor swasta.

Di ibu negara, lebih 2,000 ahli MTUC berpicket secara aman di hadapan Ibu Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jalan Raja Laut di sini dari puluk 5 petang hingga 6.30 petang dan menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Selain mengibarkan sepanduk, mereka turut melaungkan kata-kata mendesak kerajaan memenuhi tuntutan supaya pekerja swasta diberikan gaji minimum dan elauan COLA.

Tegas Presiden MTUC, Syed Shahir Mohamud, jika kerajaan tidak melayan pemintaan MTUC itu, mereka akan mengadakan mogok sehari di seluruh negara.